

Usaha berterusan kerajaan untuk tingkatkan sektor pelancongan Hotel UCSI beri impak besar

CHRISTINA ULAU

KUCHING, Jumaat – Hotel UCSI Kuching akan memberi kesan besar kepada sektor pelancongan selari dengan usaha berterusan kerajaan dalam mencari pendekatan meningkatkan industri pelancongan dalam negeri ini.

Ketua Menteri Pehin Sri Haji Abdul Taib Mahmud berkata, sejak tahun 2005 bilangan bilik hotel di negeri ini telah meningkat sebanyak 50 peratus.

Menurutnya, perkembangan man-
tap tersebut adalah bersama dengan
usaha kerajaan untuk meningkatkan
industri pelancongan sebagai sumber
pendapatan signifikan kepada negeri ini.

"Rancangan perkembangan Uni-
versiti UCSI Sarawak untuk membi-
na sebuah kampus dan hotel di tapak
pembangunan Isthmus Kuching ini
sememangnya tepat pada masanya
dalam memberi sokongan kepada
pembangunan pesat hospitaliti dan
industri pelancongan negeri.

"Kampus baru itu akan menjaya-
di pusat kecemerlangan universiti
dalam sektor hospitaliti dan pelan-
congan," katanya.

Teks ucapan Pehin Sri Taib dib-

acakan oleh Menteri Pelancongan dalam bidang pengurusan hospitaliti, Datuk Amar Abang Johari Tun acara dan pengurusan pelancongan, Abang Haji Openg semasa Majlis Pecah Tanah Hotel UCSI Kuching di sini, malam tadi, hadir sama, Pengarah Urusan CMS Land Sdn. Bhd., Dato' Richard Curtis.

Kata Pehin Sri Taib, kampus dan hotel tersebut akan dibina di kawasan seluas 25.5 ekar tanah berdekatan dengan Pusat Konvensyen Borneo Kuching (BCCK).

"Direka dengan kemampuan hijau, hotel-eko ini mematuhi indeks bangunan hijau (GBI) iaitu standard akreditasi and kualitinya menyerlah selari dengan pelaburan yang dilakukan," ujarnya.

Menurutnya, Hotel UCSI Kuching telah memantapkan hubungan dengan jenama yang dikongsikan bersama negeri ini kerana selepas 16 tahun beroperasi, UCSI telah membuka kampus pertamanya pada tahun 1998 dan secara langsung menunjukkan keyakinan jenamanya bertapak di Sarawak.

Justeru, kata Pehin Sri Taib, sejak tahun lalu, Universiti UCSI Sarawak mula menawarkan program

pemasaran pelancongan, pengurusan hotel dan pengurusan runcit sebagai respon untuk memenuhi keperluan graduan dalam bidang tersebut.

"Tidak lama lagi, universiti ini akan menawarkan diploma dalam seni kulinari dan riadah sebagai mengukuhkan lagi Universiti UCSI Sarawak dalam Persatuan Pelancongan Asia Pasifik (PATA) dalam hospital-

iti dan industri pelancongan," katanya.

Sementara itu, Canselor Universiti UCSI Tan Sri Datuk Sri Panglima Dr. Abdul Rahman Arshad berkata, Hotel UCSI Kuching adalah setinggi 15 tingkat dan bakal memuatkan sebanyak 168 buah bilik.

"Keseluruhan projek ini dianggaran bernilai kira-kira RM120 hingga RM150 juta dan dijangka siap dalam tempoh 24 bulan," ujarnya sambil memberitahu selain hotel, ia juga kampus baharu universiti swasta berkenaan di negeri ini.

Dalam pada itu, kata Rahman, pihaknya berhasrat untuk menjadi mercu tanda hotel terkenal di negeri ini pada masa depan.